

ANALISIS LITERATUR SECARA SISTEMATIK PENDEKATAN PENGURUSAN ZAKAT DALAM USAHA MEMBASMI KEMISKINAN PASCA PANDEMIK

Systematic Literature Analysis of The Zakat Management Approach To Eradicate Poverty After The Pandemic

Zizi Azlinda Mohd Yusof^{1a}, Azman Ab Rahman^{2b*} dan Syed Salim Syed Shamsuddin^{3c}

^aFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

Emel: ziziazlinda@usim.edu.my¹

^bInstitut Fatwa dan Halal, Universiti Sains Islam Malaysia,

Emel: azman@usim.edu.my²

^cFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,

Emel: syedsalim@usim.edu.my³

*Corresponding Author: azman@usim.edu.my

Received: 22 January 2024

Accepted: 26 January 2024

Published: 31 January 2024

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.29no1.578>

Abstrak	Abstract
<p>The COVID-19 pandemic has had a negative impact on the country's economic aspects and has simultaneously increased the current poverty rate in the country. However, several poverty eradication issues could have undesirable consequences if certain initiatives are not focused on the effort to eradicate core poverty by 2025. This study aims to conduct a systematic literature review on the role of zakat (charitable almsgiving) in developing the Islamic economy among Muslims in Malaysia post-pandemic, while addressing the issue of poverty. The study employs the PRISMA method, systematically searching for articles in the Scopus, Emerald, and Google Scholar (Advanced Google Scholar) databases between 2021 and 2023. The collected data was analysed and recorded in a PRISMA flowchart. The researchers discussed 67 selected journal articles related to the topic.</p>	<p>Pandemik COVID-19 telah memberi kesan negatif terhadap aspek ekonomi negara sekaligus menaikkan kadar kemiskinan negara semasa. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu pembasmian kemiskinan yang boleh memberi impak yang tidak memberangsangkan sekiranya beberapa inisiatif tidak difokuskan dalam usaha membasmi kemiskinan tegar menjelang 2025. Kajian ini bertujuan untuk membuat sorotan literatur secara sistematik ke atas bagaimana zakat berperanan dalam membangunkan ekonomi umat Islam di Malaysia pasca pandemik sekaligus membendung isu kemiskinan. Kajian ini menggunakan kaedah PRISMA iaitu dengan membuat carian artikel di pangkalan data Scopus, Emerald dan Google Scholar (Advanced Google Scholar) secara sistematik sepanjang tempoh bermula 2021 hingga 2023. Data yang dikumpul telah dianalisis dan direkodkan dalam carta alir PRISMA. Sejumlah 67 artikel jurnal yang terpilih</p>

<p>The study's results found that the immediate implementation of medium-scale transformation in the collection and distribution of zakat by the relevant authorities in Malaysia is highly relevant and significant in eradicating poverty. This study has an impact on the community's ability to achieve sustainability and freedom from persistent poverty post-COVID-19 pandemic by 2025 through one of the Islamic social financial systems, namely digital technology-based zakat, whether in terms of collection or distribution of zakat contributions to those in need.</p>	<p>berkaitan dengan topik telah dibincangkan oleh pengkaji. Hasil kajian mendapati bahawa pelaksanaan segera transformasi medium pengumpulan dan pembahagian zakat dalam usaha membasmi kemiskinan oleh pihak berwajib di Malaysia kerana ia sangat relevan dan signifikan membasmi kemiskinan. Kajian ini memberi impak terhadap kemampuan masyarakat untuk kelangsungan hidup agar bebas dari kemelut kemiskinan tegar pada pasca-pandemik COVID-19 tercapai pada tahun 2025 menerusi salah satu sistem kewangan sosial Islam iaitu zakat secara teknologi digital samada dari segi pengumpulan atau pembahagian sumbangan zakat kepada yang memerlukan.</p>
<p>Keywords: Poverty Eradication, Post-COVID-19 Pandemic, Zakat</p>	<p>Kata kunci: Pembasmian Kemiskinan, Pasca Pandemik COVID-19, Maqasid Syariah</p>

1. PENGENALAN

Landskap sosioekonomi di seluruh dunia terkesan selepas berlakunya penularan pandemik COVID-19 sejak tahun 2020 yang lepas. Golongan berpendapatan rendah adalah golongan yang paling terkesan dengan wabak tersebut. Pandemik COVID-19 juga telah mengubah dengan ketara cara mengendalikan sesuatu isu termasuklah isu kemiskinan berpandukan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang meletakkan matlamat mencapai negara bersatu, makmur dan berna'wah (Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, 2021b). Membangunkan ekonomi negara tidak dapat tidak mesti bersangkut paut dengan pembasmian kemiskinan. Rentetan isu COVID-19, Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPN) turut diperkenalkan pada Jun 2021 sebagai salah satu program pembangunan ekonomi untuk keluar dari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berfasa dari segi pergerakan manusia serta pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial.

Menurut *United Nation Electronic Government Development Index Surveoy* (UNEG-DI), golongan miskin dikategorikan sebagai golongan rentan atau *vulnerable groups*. Manakala, Akta Orang Papa 1977, orang papa didefinisikan sebagai "seseorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam dengan sebegitu cara hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran kepada orang-orang yang lazim mengunjungi tempat itu atau pun hingga mengadakan kacau ganggu. Seseorang peleser yang dijumpai di sesuatu tempat awam, sama ada atau tidak ia mengemis, yang tidak mempunyai mata

pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan.” (JKM, 2016).

Insiden kemiskinan pada tahun 1989 merekodkan 16.5% dikatakan menurun kepada 6.5% pada tahun 2019 (Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, 2021). Pandemik membuka satu fasa ekonomi yang agak kritikal kerana berdasarkan Jabatan Perangkaan Statistik Negara (2021), jumlah kemiskinan seisi rumah meningkat kepada 639.80 ribu rumah pada tahun 2020 dari 405.4 ribu rumah pada tahun 2019. Golongan miskin tegar adalah penerima amaun bantuan paling banyak bagi Bantuan Khas COVID-19 (BKC) pada tahun 2021 (JPM, 2021). Manakala, sehingga Julai 2022, dilaporkan 136,000 rakyat Malaysia berada dalam kategori miskin tegar (e-kasih, 2023).

Perihal membasmi kemiskinan bahkan selari dengan prinsip maqasid syariah yang menganjurkan kepada umat Islam untuk memelihara harta (*hifzu al-mal*). Bahkan kebaikan (*maslahah*) *hifzu al-mal* ini termasuk di dalam *maslahah al-daruriyyah* yang menyenaraikan *hifzu al-mal* antara prinsip keutamaan objektif syariah Islam diturunkan. Inisiatif-inisiatif yang pelbagai bermula dari literasi kewangan kepada umat Islam sehinggalah kepada program-program makro membasmi kemiskinan sesuai dengan realiti pasca pandemik sejajar dengan maqasid syariah.

Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang ditubuhkan pasca pandemik adalah salah satu program yang wajar dalam usaha pemulihan ekonomi negara. Ianya senada dengan tema Rancangan Malaysia kedua (RMKe12) iaitu menjana semula ekonomi (Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, 2021). Pada masa yang sama, inisiatif memelihara harta menjadi tuntutan dalam maqasid syariah dan ia merupakan elemen penting untuk menegakkan urusan agama dan urusan dunia (Zaharuddin Abd Rahman, 2022). Data-data yang menjadi kayu pengukur kepada peratusan kemiskinan negara juga dikumpulkan melalui beberapa sumber seperti data kadar kemiskinan, jurang pendapatan antara kaum, kadar pemilikan hartanah, kadar pemilikan ekuiti dalam negara.

2. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan zakat dalam membasmi kemiskinan pasca pandemik. Pendekatan yang sesuai dan tuntas semasa dan selepas pandemik COVID-19 mengubah cara fikir dan cara bertindak pengurusan zakat. Justeru, objektif kajian ini untuk melihat peranan zakat dalam membasmi kemiskinan menerusi pendekatan apakah yang paling efektif dan sistematik pasca pandemik.

3. PERMASALAHAN KAJIAN

Pandemik telah memberikan tekanan tambahan kepada masyarakat samada orang awam atau pihak industri (Jackson et al., 2021). Banyak perniagaan terpaksa diberhentikan rentetan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikeluarkan oleh pemerintah untuk mengelakkan jangkitan virus COVID-19 (Habibullah et al., 2021). Apabila syarikat-syarikat perniagaan 'gulung tikar', jika masyarakat yang bukan asnaf menjadi terhad langkah mereka untuk mendapatkan keperluan-keperluan asasi untuk diri dan keluarga, situasi yang sama bahkan lebih buruk kesannya kepada para asnaf zakat kerana capaian kepada bantuan zakat juga terbatas (Zailani & Razak, 2021). Implikasi sosial pula adalah kesan negatif susulan masalah ekonomi dan kesusahan memperolehi keperluan asasi tidak diurus oleh pihak berautoriti dengan efisien dan efektif sewaktu pandemik COVID-19. Zakat yang tidak disalurkan dengan efisien dan efektif bakal melihat potensi peningkatan kadar kemiskinan menjadi lebih tinggi. Kajian ini akan menyentuh aspek pelaksanaan dan distribusi yang mungkin menjadi punca ketidakcukupan bantuan serta memberikan cadangan bagi peningkatan keberkesanan pengagihan zakat semasa situasi darurat seperti pandemik semasa situasi pandemik berlaku.

4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik dengan menggunakan carta alir PRISMA. Menurut Shaffril et al., (2021), sebuah kajian SLR yang matang hendaklah diambil dari banyak pangkalan data untuk mengelakkan berat sebelah (*biasness*). Kaedah pengumpulan data dilakukan menerusi carian khusus pada dua pangkalan data yang dilanggan oleh USIM iaitu *Scopus* dan *Emerald*. Pangkalan-pangkalan data jurnal akademik yang mengandungi puluhan ribu artikel akademik seperti *Scopus* sangat luas digunakan dalam pencarian bahan-bahan rujukan akademik yang berkualiti tinggi (Gusenbauer & Haddaway, 2020), manakala menurut Mushtaq & Zia (2019), *Emerald* antara jurnal yang paling banyak disitasi dalam penulisan akademik. Penyelidik juga menggunakan fasiliti yang disediakan oleh perpustakaan USIM yang melanggan pangkalan data untuk kegunaan ahli akademik dan para pelajarnya menerusi *ezproxy*. Menurut Zhao (2014), untuk menghasilkan penulisan literatur sistematik yang komprehensif, mestilah menggunakan lebih dari satu pangkalan data. Justeru, penyelidik turut menyokong kajian literatur sistematik ini dengan *Google Scholar* (Sebahagiannya melalui *Advanced Google Scholar*).

Para penyelidik akan membuat pelaksanaan carian terhadap kata kunci semasa fasa pengenalan secara variasi. Lebih banyak kata kunci yang digunakan, lebih banyak artikel jurnal boleh diambil dari pangkalan data. Kata kunci umum dengan spesifik simbol dan kod yang digunakan oleh penyelidik untuk mencari artikel dalam *Scopus*, *Emerald* dan *Google Scholar* seperti yang didemonstrasikan oleh Shaffril et al. (2021). Kata kunci tersebut seperti "zakat" AND "distribution" AND "post" AND "covid-19", "zakat" AND "distribution" AND "post" AND "covid-19" AND "Malaysia", "role of zakat" AND "malaysia" AND "pandemic" AND "poverty" OR "kemiskinan" OR "poverty reduction", "zakat in malaysia" AND "pandemic", "zakat in malaysia".

Kata kunci-kata kunci tersebut dimulakan carian secara berasingan terlebih dahulu pada setiap pangkalan data. Apabila perlu, kesemua kata kunci itu digabungkan dengan *Boolean operators* (DAN, ATAU, AND, NOT). Selain itu, penyelidik menggunakan kaedah *phrase searching* dan *field code ALL* untuk mencari bahan dengan lebih meluas dan tepat. Manakala, tempoh penerbitan kesusasteraan juga dihadkan dari tahun 2021 hingga 2023 memandangkan kajian ini membincangkan isu pasca pandemik.

4.1 *Perlaksanaan Carian, Penapisan, Kelayakan dan Pemasukan*

4.1.1 *Fasa 1 – Fasa Perlaksanaan Carian (Search String)*

Penyelidik memulakan pelaksanaan carian dengan mencatat semua kata kunci dan kaedah yang digunakan seperti yang dinyatakan di atas menggunakan *Microsoft Excel*. Penyelidik juga membuat carian literatur pada permulaannya sebagai kajian rintis supaya proses tambah baik pada pelaksanaan carian istilah menjurus ke arah mencapai objektif kajian (Howe et al., 2014).

Jadual 1. Perlaksanaan carian ke atas istilah-istilah dan jumlah penerbitan di setiap pangkalan data.

Pangkalan Data	Perlaksanaan carian	Jumlah artikel	Tarikh perolehan
Scopus	"zakat" AND "distribution" AND "post" AND "covid-19"	5	10/8/2023
	"zakat" AND "distribution" AND "post" AND "covid-19" AND "Malaysia"	5	10/8/2023
	"role of zakat" AND "malaysia" AND "pandemic" AND "poverty" OR "kemiskinan" OR "poverty reduction"	10	10/8/2023
	"zakat in malaysia" AND "pandemic"	0	15/8/2023
	"zakat in malaysia"	14	15/8/2023

Emerald	"zakat" AND "distribution" AND "post" AND "covid-19"	12	10/8/2023
	"zakat" AND "distribution" AND "post" AND "covid-19" AND "Malaysia"	0	10/8/2023
	"zakat in malaysia" AND "poverty reduction" OR "poverty alleviation" OR "poverty eradication"	4	10/8/2023
	"zakat in malaysia" AND "pandemic"	5	12/8/2023
	"zakat in malaysia"	6	13/8/2023
Google Scholar	"zakat" AND "distribution" AND "post" AND "covid-19"	115	11/8/2023
	"zakat" AND "distribution" AND "post" AND "covid-19" AND "Malaysia"	323	10/8/2023
	"role of zakat" AND "malaysia" AND "pandemic" AND "poverty" OR "kemiskinan" OR "poverty reduction" OR "poverty alleviation" OR "poverty eradication"	167	12/8/2023
	"zakat in malaysia" AND "pandemic"	59	13/8/2023
	"zakat in malaysia"	157	13/8/2023

Berdasarkan pelaksanaan carian, istilah-istilah akan dijalankan ke atas setiap pangkalan data, dicatat jumlah penerbitan dan tarikh carian dibuat seperti dalam jadual 1 di atas. Penyelidik memulakan dengan frasa yang pendek terlebih dahulu dan kemudian membuat carian secara pengekodan semua frasa yang dirasakan menjurus kepada kajian secara langsung seperti yang ditunjuk oleh Shaffril et al., (2021).

4.1.2 Fasa 2 – Fasa Penapisan (Screening)

Perlaksanaan carian itu diteruskan dengan memasuki fasa penapisan. Jadual 2 adalah senarai yang diputuskan oleh penyelidik untuk meneruskan fasa ini. Jika berlaku pengulangan sumber yang sama dari pangkalan-pangkalan data, maka bahan dari *Scopus* akan diutamakan berdasarkan keterjaminan kualiti dan kelayakan jurnal akademik diiktiraf oleh seluruh dunia (Mengist et al., 2020). Justeru, penetapan kriteria-kriteria yang diambil kira (*inclusion*) dan pengecualian (*exclusion*) yang ketat membantu penyelidik mendapatkan rujukan-rujukan artikel yang menjurus tepat kepada tajuk kajian ini (Mengist & Teshome Soromessa, 2020). Penyelidik juga melakukan penapisan terhadap carian tajuk seperti dalam fasa 1 dengan membaca tajuk jurnal dan membuat penelitian dan mengenal pasti ke atas setiap tajuk dari segi pertindihan tajuk (*duplication*), literatur yang tidak diterbitkan atau samar-samar cakupan kajian terhadap kajian penyelidik (*grey literature*), tidak

berkenaan dengan kajian subjek (*not related to subject area*) dan surat kepada editorial (Mengist et al., 2020).

Jadual 2. Senarai kriteria, kelayakan dan pengecualian kajian

Kriteria	Kelayakan	Pengecualian Kajian
Jenis Literatur	Artikel jurnal, bab dalam buku, prosiding	Kertas ulasan, buku
Negara	Malaysia	Selain malaysia
Tempoh Penerbitan	2021-2023	Selain 2021-2023
Bidang subjek	Sains sosial, seni dan kemanusiaan dan interdisiplinari	Selain sains sosial, seni dan kemanusiaan dan interdisiplinari
Bahasa	Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu	Selain bahasa inggeris dan bahasa melayu


4.1.3 Fasa 3- Kelayakan (Eligibility)

Fasa ini akan berlaku lebih terperinci kerana cara pendekatan penelitian ke atas jurnal-jurnal yang berkaitan melalui pembacaan ke atas abstrak setiap jurnal. Melalui abstrak, penyelidik akan memilih jurnal yang menjurus kepada tajuk kajian penyelidik sahaja iaitu analisis zakat terhadap pembasmian kemiskinan pasca pandemik.

Dengan membuat penapisan melalui kriteria-kriteria kelayakan dan pengecualian, jurnal-jurnal akan melalui proses pemilihan seperti dalam jadual 1. Secara tuntasnya, jurnal-jurnal yang kelihatan tidak menjurus kepada zakat pada tajuk atau tiada unsur-unsur pembasmian kemiskinan, bahan berbentuk surat kepada editorial dan selain berbahasa melayu dan bahasa Inggeris akan dikeluarkan. Mungkin ada literatur-literatur yang tidak menyebut secara spesifik zakat tetapi menyebut *Islamic Financial Economy* pada tajuk tetapi menyebutnya pada kata kunci atau abstrak, ataupun jurnal-jurnal yang tidak fokus kepada lokasi Malaysia sahaja tetapi perbandingan antara 'Malaysia dan Bahrain' atau 'Malaysia, Indonesia dan Brunei'. Pada peringkat kelayakan pemilihan kajian, penyelidik masih menerima kajian-kajian tersebut.

Untuk pemilihan secara umum, penapisan dilakukan seperti ditunjukkan dalam rajah 1. Pada permulaan fasa penapisan, penyelidik merekodkan jumlah besar bahan-bahan akademik yang dicari melalui ketiga-tiga pangkalan data sebanyak 882 (44 dari *Scopus*, 27 dari *Emerald* dan 821 dari *Advanced Google Scholar* dan *Google Scholar*). Setelah menapis jurnal-jurnal yang tajuknya tidak langsung berkaitan dengan zakat, sebanyak 130 artikel dikeluarkan dari semasa proses penapisan. Maka, jumlah artikel berkurang menjadi 220. Justeru, jumlah tersebut akan di bawa untuk penapisan kelayakan kali kedua iaitu melalui pembacaan abstrak. Selepas pembacaan abstrak dibuat ke atas 220

jurnal tersebut, hanya 90 yang lebih menepati skop kajian penyelidikan ini untuk dilanjutkan ke proses seterusnya iaitu pembacaan secara konten utama jurnal-jurnal tersebut. Selepas melalui penapisan kelayakan jurnal melalui pembacaan kepada isi kandungan kepada jurnal secara teknik pembacaan secara pantas (*skimming*), bahan-bahan berkaitan peranan zakat dalam pembasmian kemiskinan di Malaysia menjadi 74. Proses pemilihan, penapisan dan saringan kelayakan boleh dirujuk pada carta alir PRISMA dalam rajah 1 berikut.



Rajah 1. Carta Alir PRISMA

5. HASIL KAJIAN

5.1 Jumlah Penerbitan

Sebanyak 882 artikel telah ditemui berdasarkan hasil carian dengan memasukkan kata kunci dalam pangkalan data *Scopus*, *Emerald* dan *Google Scholar* (Sebahagiannya melalui *Advanced Google Scholar*). Ini dapat dilihat dalam jadual 3 di bawah:

Jadual 3. Jumlah artikel yang ditemui dari tiga pangkalan data; *Scopus*, *Emerald* dan *Google Scholar*

Bil	Kata kunci	Scopus	Emerald	Google Scholar/ Advanced Google Scholar	Jumlah	Peratus
1.	"zakat" AND "distribution" AND "post" AND "covid-19"	5	12	115	132	15%
2.	"role of zakat" AND "malaysia" AND "pandemic" AND "poverty" OR "kemiskinan" OR "poverty reduction"	5	0	323	328	38%
3.	"zakat in malaysia" AND "poverty reduction" OR "poverty alleviation" OR "poverty eradication"	10	4	167	181	20%
4.	"zakat in malaysia" AND "pandemic"	0	5	59	64	7.2%
5.	"zakat in malaysia"	14	6	157	177	20%
	Jumlah	34	27	821	882	100%

Jumlah artikel jurnal dan prosiding yang dijana dari ketiga-tiga pangkalan data *Scopus*, *Emerald* dan *Google Scholar* adalah sebanyak 882. Bagaimanapun, seperti yang didemonstrasikan dalam carta alir PRISMA pada rajah 1 sebelum ini, sebanyak 808 artikel yang dikeluarkan semasa proses penapisan dan kelayakan kerana pelbagai, contohnya, berlaku pengulangan dan subjek kajian tidak berkaitan dengan kajian penyelidikan. Selepas penapisan yang berulang kali dilakukan ke atas artikel-artikel tersebut, menjadikan 67 yang akan dimuat

turun untuk kajian lanjut kepada topik penyelidikan.

Jadual 4. Hasil saringan akhir penerbitan daripada dua pangkalan data; *Scopus, Emerald dan Google Scholar*

Bil	Tahun penerbitan	Bilangan Penerbitan				
		Scopus	Emerald	Google Scholar	Jumlah	Peratus
1	2021	1	3	23	27	40%
2	2022	-	5	23	28	42%
3	2023	-	2	10	12	18%
	Jumlah	1	10	74	67	100%

Berdasarkan jadual 4, 67 artikel jurnal yang melalui saringan akhir dinilai mengikut tahun penerbitan juga. Disebabkan tajuk kajian ini berkenaan pasca pandemik, maka pencarian jurnal dalam SLR ini juga mengambil kira tahun selepas COVID-19 muncul iaitu 2021 hingga 2023 sahaja. Tahun 2022 dengan jumlah 42% menunjukkan jumlah yang paling tinggi diterbitkan kajian akademik berkaitan trend zakat dan kesannya terhadap pembasmian kemiskinan dengan perbezaan 2% sahaja jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya, 2021. Seterusnya, tahun 2023 masih lagi tidak menunjukkan banyak literatur zakat sebagai agen pembasmi kemiskinan secara gambaran kasar.

6. PERBINCANGAN

6.1 *Isu Kemiskinan Pasca Pandemik*

Kajian mendapati bahawa taraf sosio-ekonomi negara berubah selepas wabak COVID-19 melanda dan penentuan kemiskinan pasca-COVID-19 mempunyai relevan dan signifikan tersendiri. Kemiskinan tidak hanya diukur melalui kuantiti iaitu berbentuk jurang pendapatan sahaja bahkan, pemboleh ubah yang lain seperti kualiti kesejahteraan individu dan isi rumah juga berperanan dalam isu menentukan kemiskinan. Apabila penentuan kemiskinan pasca COVID-19 berubah, maka secara tidak langsung, hak individu yang terjerumus kepada kategori miskin akan dipenuhi. Hasrat kerajaan meneliti taraf kemiskinan yang mana kadar kemiskinan PGK nasional yang diguna pakai sekarang masih berdasarkan metodologi PGK 2019 iaitu RM2208 sebulan manakala RM1169 bagi isi rumah miskin tegar. Dengan itu, pindaan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) menjelang suku pertama 2023 dilihat sebagai satu langkah yang positif (Berita Harian, 2022). RM3000 pada tahun 1990 sudah dikira berada namun tidak terpakai pada zaman sekarang, apatah lagi pasca pandemik (Faris Zulkifli et al., 2021). Justeru, pendefinisian

kemiskinan pada zaman pasca pandemik perlu kepada pembaharuan dengan menilai keseluruhan aspek termasuklah cara manusia hari ini berbelanja (Rahman et al., 2023). Fenomena kemiskinan di Malaysia semakin parah selepas pandemik kerana beban hutang juga bertambah dalam keadaan ramai yang dibuang kerja akibat penutupan kilang dan tempat kerja (Yamaludin et al., 2023).

6.2 Isu Agihan Zakat kepada Golongan Berpendapatan Rendah Meningkatkan Ekonomi Negara

Zakat yang diagihkan kepada golongan berpendapatan rendah merangsang ekonomi negara kerana agihan zakat tersebut dibelanjakan oleh golongan miskin untuk membeli barangan asas berbanding golongan kaya yang akan membelanjakan harta lebih kepada barangan bersifat *tahsiniyyat*. Hal ini sekaligus menaikkan taraf ekonomi negara dan pembasmian kemiskinan mula berlaku (Fuadah Johari, 2004). Kajian ini menganalisis dengan menggunakan indeks kemiskinan yang membandingkan gelagat perbelanjaan orang miskin sebelum dan selepas pengagihan zakat. Data menunjukkan zakat membantu meningkatkan ekonomi golongan miskin atau berpendapatan rendah. Dari segi maqasid syariah, membasmi kemiskinan melalui pengagihan zakat dengan tujuan mencapai *maslahah* dan menolak *mafsadah* kemiskinan itu sendiri.

6.3 Isu Zakat Melalui Medium Financial Technology (Fintech) Membasmi Kemiskinan di Malaysia

Di Malaysia, Kerajaan Malaysia memperkenalkan bantuan sara hidup yang dinamakan 'Prihatin' sewaktu PKP sedang berlangsung untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik, namun kemelesetan mengejut ini memerlukan sumber ekonomi gergasi untuk membantu rakyat (Oikawa, 2022). Salah satu sumber ekonomi rakyat yang menjadi agen pembasmi kemiskinan semasa dan selepas pandemik COVID-19 ialah zakat (Ayuniyyah et al., 2022). Bagaimanapun, teknologi kewangan (*Financial Technology* atau dikenali sebagai *Fintech*) menjadi mediator kepada pengumpulan dan pengagihan dana Zakat yang lancar dan cekap pasca pandemik (Ahmad & Yahaya, 2022, Rabbani et al., 2021).

Platform dalam talian, aplikasi mudah alih, dan kaedah pembayaran digital telah memudahkan orang Muslim untuk mengira dan menyumbang Zakat mereka dengan tepat, menjimatkan masa dan mengurangkan usaha pentadbiran (Kasri & Yuniar, 2021). Kajian Syed Yusuf et al., (2022) yang menggunakan teori *acceptance and use of technology* (UTAUT) dan Ahmad &

Yahaya (2022) pula menggunakan teori UTAUT2 dalam mempamerkan kesan efektif dan positif apabila pengurusan zakat dilaksanakan secara teknologi; pengumpulan dan pembahagian zakat. Kaedah tradisional pembayaran zakat yang berlaku di kaunter-kaunter sejak dahulu kini sudah mula diterima oleh masyarakat bahawa teknologi sebagai medium untuk membayar zakat terutama semasa dan selepas pandemik (Hasbullah et al., 2022).

Pada tahun 2020, pembahagian zakat agak tidak memberangsangkan kesan dari penjarakan sosial seperti inisiatif zakat *daie*, bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar institusi tinggi, sokongan kepada graduan terpaksa ditunda. Walaubagaimanapun, pihak institusi zakat negeri tetap mencari jalan untuk menyalurkan zakat kepada yang memerlukan secara bersemuka di masjid-masjid dengan menjaga prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh pihak berwajib (Aznam et al., 2022). Gunardi (2021) menyebut pengurusan zakat pasca pandemik secara atas talian adalah keputusan yang relevan, disokong dengan *Fiqh Darurah*.

6.4 Sistem Kewangan Sosial Islam (Islamic Social Finance - ISF) Digembleng untuk Membasmi Kemiskinan

Zakat ialah satu bentuk sumber ekonomi yang bersifat kebajikan (Saad et al., 2023) yang lunak dan istimewa kerana ia datang dari lebihan harta si pembayar zakat, yang sepatutnya tidak menjadi satu bebanan kepada pembayar (Hudaefi et al., 2022). Krisis pandemik COVID-19 jelas sekali menuntut agar kewangan ekonomi sosial umat Islam seperti zakat, waqaf dan sedekah berperanan dengan begitu jitu (Oikawa, 2022). Sumber-sumber gergasi ISF ini juga dipanggil sebagai *Islamic Philantrophy* membuktikan pemerksaan ekonomi di Malaysia sekaligus membasmi kemiskinan di Malaysia sebanyak RM119.36 juta sejak Mac 2020 melalui 14 Pusat Zakat di Malaysia (Lestari et al., 2022). Walaubagaimanapun, masih ada pihak-pihak yang memandang rendah akan kekuatan zakat dalam membantu memperkasakan ekonomi negara (Faris Zulkifli et al., 2021). Dari literatur yang banyak penyelidikan peroleh, ISF mesti terus digembleng untuk memperkasakan ekonomi umat pasca pandemik.

6.5 Isu Amalan Pihak MAIN Membangunkan Ekonomi Umat Islam

Pihak MAIN memainkan peranannya secara progresif dalam memastikan pengurusan zakat dinikmati oleh golongan asnaf dengan sempurna dalam setiap sudut. Hal ini kerana pengagihan zakat bukan sahaja diberi begitu sahaja dan golongan asnaf hanya menjadi penerima zakat selama-lamanya, tetapi mereka mengamalkan sumbangan zakat tersebut sebagai pemacu atau modal

kepada program-program penjaan ekonomi golongan asnaf samada dari sudut kebajikan (Riani & Ikhwan, 2022), sosial dan pendidikan asnaf. Program pemerksaan asnaf ini bukan sahaja membasmi kemiskinan, bahkan memulihkan ekonomi negara pasca pandemik. Amalan MAIN dalam menggerakkan zakat semasa dan selepas pandemik dikategorikan sebagai jentera progresif. Sejak dari hari pertama di isytihar PKP, MAIN seperti MAINS telah mewujudkan satu bantuan khas yang dikenali sebagai 'Inisiatif COVID-19' bermula pada bulan Mac hingga Jun 2020 berjumlah RM8.5 juta (Muttaqin et al., 2021). Pengumpulan zakat untuk Terengganu semasa pandemik iaitu November 2020 sebanyak RM138,784,972.90, manakala pembahagian zakat pula sebanyak RM155,670,679.16 (Yusri & Jusoh, 2021). Lembaga Zakat Negeri Kedah melaporkan RM10,872,834 berjaya dibahagikan bagi empat fasa bermula 18 Mac. Semasa fasa PKP, RM12.87 juta dibahagikan kepada beberapa sektor seperti Pendidikan, kesihatan, pekerja barisan hadapan (*frontliners*), sukarelawan dan usahawan kecil (Puad & Jalil, 2021). Meskipun sewaktu pandemik yang sangat kritikal, namun MAIN di setiap negeri masih bergerak dengan proaktif dibantu dengan penggunaan teknologi moden yang mula dicipta agar melancarkan proses pengumpulan dan pembahagian zakat.

7. KESIMPULAN

Berdasarkan pengekodan tiga tema yang dianalisis dan dikategorikan di atas, penyelidik berpendapat, zakat adalah satu sosial ekonomi Islam yang menjadi agen pembasmian kemiskinan menerusi teknologi digital dengan lebih jitu dan pantas di samping pengurusan MAIN yang masih progresif mentadbir ibadah zakat agar dapat dinikmati oleh setiap yang memerlukan. Hasil kajian ini mendapati, pemerksaan semua bentuk mekanisme yang berasaskan *Financial Technology (Fintech)* menerusi pelbagai perisian-perisian yang mudah dan cepat mampu menangani situasi-situasi konflik seperti pandemik dalam membasmi kemiskinan di Malaysia. Justeru, meskipun sewaktu dan selepas pandemik sedang memuncak, para asnaf masih mampu menyara kehidupan mereka yang terbatas kemampuannya hasil manfaat dari teknologi yang diperkasakan oleh setiap institusi zakat di Malaysia. Bukan sekadar menaiktarafkan sistem pengurusan dan penyebaran zakat secara digital, bahkan dengan mewujudkan kolaborasi dengan institusi-institusi kewangan mikro (*microfinance*) untuk menyalurkan bantuan-bantuan zakat secara efektif sewaktu dan selepas pandemik.

8. PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Institut Fatwa dan Halal (IFFAH) USIM kerana membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Projek Penyelidikan Biduni Mizaniyyah USIM, dengan tajuk Model Skim Pembasmian Kemiskinan Berasaskan Maqasid Syariah, Kod Penyelidikan PPPI/BM-DB/IFFAH/USIM/16922. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

9. RUJUKAN

- Ahmad, K., & Yahaya, M. H. (2022). Islamic social financing and efficient zakat distribution: impact of fintech adoption among the asnaf in Malaysia. *Journal of Islamic Marketing*. <https://doi.org/10.1108/JIMA-04-2021-0102>
- Ayuniyyah, Q., Pramanik, A. H., Md Saad, N., & Ariffin, M. I. (2022). The impact of zakat in poverty alleviation and income inequality reduction from the perspective of gender in West Java, Indonesia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 2002, 2–3. <https://doi.org/10.1108/IMEFM-08-2020-0403>
- Aznam, N. H. Z., Zakaria, S. F., Bosli, F., Rashid, N. A., Mokhtar, S. F., & Zainal, H. (2022). the Efficiency of Zakat Outreach in Time of Covid-19. *International Journal of Zakat and Islamic Philantropy*, 4(2), 66–75.
- Berita Harian. (2022). *Laksana segera program atasi isu kemiskinan , jurang pendapatan*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/03/939371/laksana-segera-program-atasi-isu-kemiskinan-jurang-pendapatan>
- Department of Statistic, M. (2021). *Statistics on Household Income Estimates and Incidence of Poverty*. [https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/household-income-estimates-and-incidence-of-poverty-report-malaysia-2020#:~:text=Based on the study%2C the,2019\) to 8.4 per cent](https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/household-income-estimates-and-incidence-of-poverty-report-malaysia-2020#:~:text=Based on the study%2C the,2019) to 8.4 per cent).
- e-kasih. (2023). *Negara perlu bebas dari belunggu kemiskinan*. Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. <https://ekasih.icu.gov.my/Berita/Pages/Default.aspx>
- Faris Zulkifli, M., Taha, R., Awang, N., Nazli MOHD NOR, M., & Ali, A. (2021). Combating Poverty in Malaysia: The Role of Zakat*. *Journal of Asian Finance*, 8(5), 505–513. <https://doi.org/10.13106/jafeb.2021.vol8.no5.0505>
- Fuadah Johari. (2004). *Keberkesanan Zakat dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan di Negeri Melaka* [University of Malaya]. https://www.researchgate.net/publication/257651747_KEBERKESANAN_ZAKAT_DALAM_MENGATASI_MASALAH_KEMISKINAN_DI_NEGERI_MELAKA/link/00b495259640b68e0a000000/download

- Gunardi, S. B. (2021). The Management of Zakat Based on Fiqh of Darurat towards the Development of Islamic Digital Economy in Malaysia Post-Covid-19 Pandemic. *Turkish Online Journal of Qualitative Inquiry*, 12(8), 1045–1056.
<https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/13211%0Ahttps://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/13211/1/65>. The Management of Zakat Based on Fiqh of Darurat towards the Development of Islamic Digital Economy in Malaysia Post-Covid-19 Pandemic
- Gusenbauer, M., & Haddaway, N. R. (2020). Which academic search systems are suitable for systematic reviews or meta-analyses? Evaluating retrieval qualities of Google Scholar, PubMed, and 26 other resources. *Research Synthesis Methods*, 11(2), 181–217. <https://doi.org/10.1002/jrsm.1378>
- Habibullah, M. S., Saari, M. Y., Safuan, S., Din, B. H., & Mahomed, A. S. B. (2021). Loss of employment, lockdown measures and government responses in Malaysia during the COVID-19 pandemic: A note. *International Journal of Business and Society*, 22(3), 1525–1549. <https://doi.org/10.33736/ijbs.4320.2021>
- Hasbulah, M. H., Noor, A. M., & Bakar, M. A. (2022). Zakat Funds for Health and Medical Sector : Role and Strategy of Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk). *International Journal of Academic Research in Business & Social Science*, 12(July), 793–811. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v12-i7/14168>
- Howe, C., Suich, H., Vira, B., & Mace, G. M. (2014). Creating win-wins from trade-offs? Ecosystem services for human well-being: A meta-analysis of ecosystem service trade-offs and synergies in the real world. *Global Environmental Change*, 28(1), 263–275. <https://doi.org/10.1016/j.gloenvcha.2014.07.005>
- Hudaefi, F. A., Caraka, R. E., & Wahid, H. (2022). Zakat administration in times of COVID-19 pandemic in Indonesia: a knowledge discovery via text mining. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 15(2), 271–286. <https://doi.org/10.1108/IMEFM-05-2020-0250>
- Jackson, J. K., Weiss, M. A., Berg, A. B. S., Nelson, R. M., Sutter, K. M., & Sutherland, M. D. (2021). *Global effect of COVID-19*. Congressional Research Service. <https://doi.org/10.4337/9781800376243.00008>

- JKM. (2016). *Perkhidmatan Orang Papa*. Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat.
<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=Y0hIOFk4REdBa0hrRmxTeU95VzhZUT09>
- JPM. (2021). *Yab Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yasin Perdana Menteri Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (Pemulihan)*. Jabatan Perdana Menteri. <https://www.pmo.gov.my/2021/06/teks-ucapan-pengumuman-khas-pakej-perlindungan-rakyat-dan-pemulihan-ekonomi-pemulihan/>
- Kasri, R. A., & Yuniar, A. M. (2021). Determinants of digital zakat payments: lessons from Indonesian experience. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 12(3), 362–379. <https://doi.org/10.1108/JIABR-08-2020-0258>
- Lestari, M. E. P., Febiyanti, C. S., Abdul Rohman, M. R., Hani Annisaa', F. S., Susanti, A. F., & Medias, F. (2022). Practical Implication of Zakat in Socio-economic Empowerment during the COVID-19 Pandemic. *Shirkah: Journal of Economics and Business*, 7(2), 155–166. <https://doi.org/10.22515/shirkah.v7i2.482>
- Mengist, W., Soromessa, T., & Legese, G. (2020). Method for conducting systematic literature review and meta-analysis for environmental science research. *MethodsX*, 7, 100777. <https://doi.org/10.1016/j.mex.2019.100777>
- Mushtaq, M., & Zia, S. (2019). Assessment of Highly Cited Articles: A Study of Emerald Journals. *SRELS Journal of Information Management*, November, 246–256. <https://doi.org/10.17821/srels/2019/v56i5/145449>
- Muttaqin, A., Sidik, R., & Sidek, M. (2021). KOMITMEN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN (MAINS) DALAM ERA COVID 19 DI NEGERI SEMBILAN Commitment Of Negeri Sembilan Islamic Religious Council (MAINS) In The Covid 19 Era In Negeri Sembilan. *Journal of Fatwa Management and Research*, 25(1), 34–48.
- Oikawa, H. (2022). The Role of Zakat in Communal Mutual Support under the Covid-19 Crisis in Malaysia. *Kajian Perdagangan Universiti Kansai Jld.67 No.1 (Jun 2022)*, 67(1), 11–24. https://kansai-u.repo.nii.ac.jp/?action=pages_view_main%5C&active_action=repository_view_main_item_detail%5C&item_id=22821%5C&item_no=1%5C&page

_id=13%5C&block_id=21

- Puad, N. F. M., & Jalil, M. S. (2021). 1st International Muamalat Conference 2021 "Muamalat in New Normal." *Enhancement of Zakat Collection Management System During Covid-19 Pandemic A Study on Zakat Institution in Kuala Muda, Kedah, Mac*, 256–262.
- Rabbani, M. R., Bashar, A., Nawaz, N., Karim, S., Ali, M. A. M., Rahiman, H. U., & Alam, M. S. (2021). Exploring the role of islamic fintech in combating the aftershocks of covid-19: The open social innovation of the islamic financial system. *Journal of Open Innovation: Technology, Market, and Complexity*, 7(2), 136. <https://doi.org/10.3390/joitmc7020136>
- Rahman, A. A., Sukari, A., Faiz, M., Shakor, A., Syed, S. S., & Zizi Azlinda, M. Y. (2023). Analisis Literatur Sistemik Terhadap Penentuan Agihan Bnatuan Kemiskinan Kepada Golongan B40 di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(2), 70–86. <https://doi.org/DOI:https://doi.org.10.33102/jfatwa.vol28no2.525>
- Riani, R., & Ikhwan, I. (2022). The Development of Zakat Literature: A Systematic Review and Paths for Future Research. *Indonesian Conference of Zakat-Proceedings*, 2013. <https://iconzbaznas.com/submission/index.php/proceedings/article/view/489%0Ahttps://iconzbaznas.com/submission/index.php/proceedings/article/download/489/217>
- Saad, R. A. J., Ahmi, A., Sawandi, N., & Abdul Aziz, N. M. (2023). Zakat administration reformation towards an effective and efficient zakat revenue generation. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*. <https://doi.org/10.1108/JIABR-05-2021-0151>
- Shaffril, H. A. M., Samah, A. A., & Samsuddin, S. F. (2021). Guidelines for developing a systematic literature review for studies related to climate change adaptation. *Environmental Science and Pollution Research*, 28(18), 22265–22277. <https://doi.org/10.1007/s11356-021-13178-0>
- Syed Yusuf, S. N., Sanawi, N. H., Ghani, E. K., Muhammad, R., Daud, D., & Kasim, E. S. (2022). Examining technology improvement, procedural application and governance on the effectiveness zakat distribution. *International Journal of Ethics and Systems*. <https://doi.org/10.1108/IJOES-02-2022-0031>

Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. (2021a). *Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025)*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. (2021b). *Ringkasan Eksekutif Rancangan Malaysia Kedua Belas*.
<https://rmke12.epu.gov.my/bm/dokumen/rmke-12>

Wondimagegn Mengist, Teshome Soromessa, G. L. (2020). Ecosystem services research in mountainous regions: A systematic literature review on current knowledge and research gaps. *Science of The Total Environment*, 7(2), 33–48.
<https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.scitotenv.2019.134581>.

Yamaludin, S. M., Syed Alwi, S. F., Rosman, R., & Khamis, M. R. (2023). The role of zakat distribution on the sustainability of gharimin (genuine debtors) in Islamic financial institutions in Malaysia. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*. <https://doi.org/10.1108/JIABR-01-2023-0004>

Yusri, N. A., & Jusoh, W. N. H. W. (2021). 1st International Muamalat Conference 2021 “Muamalat in New Normal.” *Role of Zakat in Assisting Affected People During Covid 19- Pandemic: A Comparison between Terengganu and Selangor*, October, 265.

Zaharuddin Abd Rahman. (2022). *Ekonomi Umat Islam Malaysia : Peranan Digital Ekonomi dan Literasi Kewangan sesebuah negara itu bukan lagi dilihat hanya pada kehebatan dan*. <https://www.shariahscreener.com/articles/Ekonomi-Umat-Islam-Malaysia-Peranan-Digital-Ekonomi-dan-Literasi-Kewangan>

Zailani, M. N., & Razak, N. A. (2021). An Exploratory Study on Lembaga Zakat Selangor Measures in Response To Covid-19 Pandemic. *Journal Website: Journal ...*, 3(2), 30–40. http://journal.zakatkedah.com.my/wp-content/uploads/2022/01/VOL.-3-ISSUE-2-SEPTEMBER_30-40.pdf

Zhao, J. G. (2014). Combination of multiple databases is necessary for a valid systematic review. *International Orthopaedics*, 38(12), 2639.
<https://doi.org/10.1007/s00264-014-2556-y>

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.